

# Ada kalangan tertentu cabar keutuhan UMNO—Dr. M

POH 18 Jun 1977

Oleh:

Shahabuddin Hassan

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan seluruh ahli UMNO tentang adanya kalangan tertentu yang sedang mencabar keutuhan parti dengan matlamat bagi merebut kuasa politik.

Beliau berkata, kalangan tersebut yang bukan saja dari parti-parti politik tertentu berusaha untuk melihat politik kerajaan terganggu.

Bercakap kepada para pemberita di lapangan terbang di sini pagi ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata golongan itu sedang memainkan peranan tertentu dan gerakan mereka "mungkin semua orang sudah tahu".

Beliau mengingatkan ahli UMNO tentang kemungkinan setengah dari mereka secara tidak langsung membantu perjuangan matlamat kumpulan tersebut.

Sebelum itu beliau telah merasmikan perhimpunan dan seminar UMNO Perak 1977 di Kompleks Pelbagaiguna di sini. Hampir 200 orang pemimpin dari 21 bahagian UMNO Perak, termasuk Pemuda dan

Wanita menghadiri seminar yang berlangsung secara tertutup itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru tenaga UMNO seluruhnya terus memperkuatkan perpaduan di samping menjalankan tugas mengikut peraturan yang ada.

"Kita sekarang hidup dalam satu keadaan yang lebih sofistikated di mana mereka yang mencabar parti-parti politik yang memerintah, terutama UMNO bukan saja merupakan parti-parti politik, malah lain-lain kumpulan yang bercita-cita untuk merebut kekuasaan politik," katanya.

Beliau yakin gejala-

gejala yang hendak merosakkan UMNO dan kerajaan akan dapat dihancurkan melalui perpaduan dan kerjasama yang erat antara penyokong-penyokong parti.

Ditanya sama ada terdapat tenaga dalam UMNO sendiri yang bertindak hingga membuka peluang kepada musuh-musuh parti, Datuk Sri Dr. Mahathir tidak pula menolak kemungkinan itu, tetapi menerangkan bahawa UMNO adalah sentiasa mengawasi keadaan itu.

Beliau menasihatkan anggota UMNO yang mungkin tergelincir dari landasan perjuangan parti agar menyedari kesalahan mereka sekarang juga.

"Tiap anggota mestilah bertindak dan bergerak berlandaskan undang-undang tanpa bertindak sendirian yang tidak menguntungkan

sesiapa itu," tambahnya.

Menyentuh tentang kegelisahan di kalangan para pekerja di negara ini sekarang, Pemangku Perdana Menteri berkata kerajaan bertanggungjawab terhadap negara keseluruhannya dan tidak berupaya menampung keperluan satu-satu kumpulan saja.

Kerajaan, sedang mengkaji segala perkembangan yang berlaku di negara ini kerana "kita harus mengetahui segala yang berlaku di dalam negara," katanya.

Ditanya sama ada khabar-khabar angin mengenai kemungkinan pilihanraya umum akan diadakan lebih awal sedang disebarkan oleh anasir-anasir anti-nasional, beliau berkata anasir-anasir tersebut boleh menggunakan sebarang issue untuk mencapai tujuan mereka.